

BPR tahan timbalan pendakwa raya disyaki rasuah

Hm
13/2/08
m/s 22

KANGAR: Badan Pencegah Rasuah (BPR) menahan seorang timbalan pendakwa raya di Jabatan Imigresen Perlis kerana disyaki menerima rasuah selepas memasang 'perangkap' menerusi perbualan telefon antara pengadu dan orang ketiga, baru-baru ini.

Suspek berusia 33 tahun itu dikatakan cuba menyelesaikan satu kes perbicaraan membabitkan penahanan lima warga Bangladesh menerusi 'pintu belakang' selepas ditawarkan habuan, minggu lalu.

Lelaki berusia 33 tahun itu kini ditahan ketika dipanggil memberi keterangan di pejabat BPR, di sini, berhubung dakwaan menerima wang suapan berjumlah RM15,000 bagi menyelesaikan satu kes penahanan pendatang asing terbabit.

Turut ditahan seorang wanita berusia 55 tahun yang disyaki mempunyai kaitan dengan kes terbabit.

Sumber berkata, BPR Perlis mempunyai bukti kukuh untuk menahan pegawai kanan imigresen terbabit berdasarkan perbualan telefon di antara pengadu dan orang ketiga yang mengetahui kes rasuah berkenaan.

Beliau berkata, pihak BPR memasang perangkap dengan merakam perbualan telefon di antara pengadu dan orang ketiga mengenai pengeluaran sejumlah wang kepada pegawai kanan imigresen terbabit.

"Lima warga Bangladesh yang berkerja di sebuah kilang makanan di Simpang Empat, ditahan pihak berkuasa kerana kesalahan permit kerja dan kes terbabit dikendalikan suspek selaku timbalan pendakwa raya jabatan berkenaan," katanya di sini, semalam.

Sementara itu, BPR dalam kenyataan yang difakskan ke Pejabat Harian Metro di Kangar, semalam, mengesahkan penahanan timbalan pendakwa raya terbabit berhubung satu kes rasuah baru-baru ini.

Katanya, pegawai terbabit didakwa menerima suapan RM15,000 bagi menyelesaikan perbicaraan kes membabitkan lima warga asing, di Mahkamah Sesyen Alor Star, Kedah.

Beliau berkata, turut ditahan seorang wanita berusia 55 tahun yang berkerja sendiri kerana disyaki bersubhat dengan Pendakwa Raya terbabit bagi menerima wang rasuah.